

26 MAY 2000

Mahathir-Islam

UMAT ISLAM PERLU ERATKAN PERPADUAN TANGKIS DARI DITINDAS MUSUH

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta supaya umat Islam mengeratkan perpaduan bagi menangkis segala bentuk penindasan yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam.

Beliau berkata, perpaduan merupakan senjata yang sebaik-baiknya untuk menentang musuh Islam yang sentiasa mencari peluang untuk memusnahkan mereka.

"Penindasan yang berlaku terhadap masyarakat Islam di beberapa buah negara berpunca daripada ketiadaan perpaduan di kalangan mereka," katanya ketika berucap selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Ceruk Mokkan di sini.

Katanya, umat Islam perlu kembali kepada ajaran Islam sebenar dengan mengajak umat Islam bersatu padu dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Sebagai contoh beliau menyebut kejadian penculikan 21 orang termasuk sembilan rakyat Malaysia dari Sipadan pada 23 April lepas, dan kini ditahan di Jolo, selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata kejadian itu berpunca daripada kelemahan umat Islam yang hidup di sebuah negara yang diterajui oleh bukan Islam.

"Kelemahan umat Islam di negara itu menyebabkan mereka gagal mendapatkan hak mereka untuk menjalankan kewajipan sebagai umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata penderitaan juga dialami oleh umat Islam di Sri Lanka, Kosovo dan Chechnya yang ditindas oleh orang bukan Islam.

Justeru beliau mengajak rakyat di negara ini bersyukur kerana dapat menunaikan segala kewajipan yang dituntut Islam dengan aman dan tenteram.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak pernah melupakan tanggungjawab bagi membantu negara Islam lain yang menghadapi kesusahan.

"Malaysia kini diiktirafkan sebagai negara Islam termaju berbanding negara-negara Islam yang lain," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata walaupun ada ketikanya Malaysia kurang mampu, ia dapat juga menghantar pasukan tentera ataupun pertubuhan kebajikan untuk membantu negara Islam yang mengalami kesusahan.

Beliau turut mengingatkan umat Islam supaya tidak menjadikan perbezaan pendapat sebagai punca berlakunya permusuhan sesama Islam.

"Islam tidak pernah menghalang umatnya berbeza pendapat tetapi bukannya sehinggakan kita bermusuhan sesama kita," katanya.

Beliau mahu masjid dijadikan sebagai pusat perpaduan dengan menganjurkan pelbagai bentuk aktiviti yang boleh menyatupadukan masyarakat.

-- BERNAMA

MN NMO